

Dr Ismail berkorban demi politik

BH-2/5/2007

TPM, Razak dan pegawai perubatan diminta bersumpah tidak bocor leukemia dihidap PM

TUN Dr Ismail Abdul Rahman kelihatan ditakdirkan bakal menjadi Perdana Menteri ketiga, bagi negara yang beliau turut membantu membebaskan daripada pemerintahan penjajah.

Sebagai anak Melayu pertama menerima ijazah perubatan daripada Queen's College Universiti Melbourne, beliau mulanya menyangka akan hidup senang sebagai doktor di Johor Bahru, bandar kelahirannya.

Tetapi, semarak politik zaman itu mendorongnya meninggalkan kerjaya sebagai doktor swasta lalu menyertai politik, walaupun keberatan. Apabila pulang dari Australia selepas Perang Dunia Kedua, Dr Ismail yakin strategi terbaik bagi kalangan cendekiawan yang memperjuangkan kemerdekaan Malaya ialah menyertai pergerakan massa yang sedia wujud.

Pergerakan yang dicarinya ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno), namun dia menyertai Umno hanya selepas Tunku Abdul Rahman menerajui parti pada 1951. Sejak detik itu, Dr Ismail berperanan utama dalam sejarah negara sehingga beliau meninggal dunia, tanpa diduga pada 1973.

Sepanjang hayat, beliau dihantui masalah injap jantung yang tidak sempurna berfungsi dan tidak berhenti-henti cuba menyembuhkannya dengan bermain sukan seperti golf dan berenang. Beliau juga diganggu masalah kanser leher yang berulang.

Awal 1967, sedang isterinya mengandung anak keenam mereka, beliau berasa cukuplah sudah mencurahkan jasa, lalu bersara daripada semua jawatan dalam kerajaan. Doktor menasihatkan supaya berehat, dan beliau berasa lebih diperlukan keluarga dan anak yang masih kecil.

Rusuhan kaum, tiga hari selepas pilihan raya umum 10 Mei 1969, mendorong negara ke arah kacau bilau, dan memberi Dr Ismail satu pilihan - meninggalkan keselesaan hidup bersara dan kembali turun ke gelanggang. Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman (ketika itu) tersisih, dan teraju sebenar pimpinan negara beralih ke tangan Timbalan Perdana



SIRI kedua esok mengisahkan kehidupan Tun Dr Ismail Ismail sebelum menyertai politik serta latar belakang keluarganya. Juga mengenai kisah suka dukanya ketika menuntut di Australia dan akhirnya, pada 26 Julai 1946 iaitu ketika berusia 31 tahun, lulus sebagai seorang doktor, menjadikannya anak Melayu pertama menerima ijazah Universiti Melbourne.

Menteri, Tun Abdul Razak Hussein dan Dr Ismail - yang kembali memegang jawatan lama sebagai Menteri Dalam Negeri.

Selama lebih empat tahun, Razak dan Dr Ismail saling melengkapi peranan masing-masing dengan lancar sebagai Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, sama-sama berusaha membina landasan sebuah Malaysia baru yang mudah-mudahan tidak akan menyaksikan berulangnya keganasan antara kaum.

Sayangnya, mereka sama-sama pergi tanpa diduga ketika negara dan rakyat masih perlukan mereka. Pelbagai rancangan mereka bagi membangun semula negara diteruskan pula oleh kalangan pemimpin muda yang tidak selalunya mendukung tujuan sama atau sama bernas, seperti tujuan asal mereka.



KENANGAN ABADI: Dr Ismail dan isteri, Neno bergambar selepas pertunangan mereka diumumkan pada 22 November 1949.

Razak sudah pun didapati menghidap leukemia pada akhir 1969. Rahsia itu hanya diketahui beliau sendiri dan Dr Ismail, serta kakitangan perubatan yang terbabit dan dua tiga sahabat peribadi Dr Ismail yang semuanya diminta bersumpah tidak akan membocorkannya. Keadaan berselindung ini tentunya berpengaruh besar atas penggubalan dasar negara, kerana kedua-dua pemimpin membincangkan setiap rancangan dengan mengintai kemungkinan Dr Ismail menjadi Perdana Menteri kelak. Doktor meramalkan hayat Razak paling lama empat tahun saja lagi, walaupun akhirnya dia bertahan selama enam tahun.

Namun, takdir menentukan Dr Ismail yang pergi dulu. Malam Khamis 2 Ogos 1973, pada usia 57 tahun, tokoh disegani yang tak pernah lejang

bagai kesan bunyi, tetapi entah mengapa Dr Ismail tidak diberitahu lebih dulu.

Sebagai peraturan yang dikenakan selepas rusuhan kaum 13 Mei 1969, letupan memang tidak diizinkan. Dentuman kuat dan mendadak itu jelas memeranjatkan Dr Ismail. Anaknyanya Zailah, yang berusia 20 tahun ketika itu, menonton sambutan melalui televisyen di rumah dan dapat melihat ayahnya bermandi peluh selepas letupan berbunyi. Bendahari Agung GPMS, Annuar Zaini, ketika itu bertanggungjawab menguruskan acara sambutan.

Dia tidak perasaan apa-apa tanda yang Dr Ismail berasa kurang sihat. Namun, apa yang menjadi ingatan abadi baginya ialah ratusan belon berwarna-warni yang dilepaskan Dr Ismail sebagai acara sambutan tidak sempat menerawang ke udara kerana hujan lebat yang datang tiba-tiba. Ramai orang memandangi kejadian itu sebagai alamat tidak baik. Dr Ismail kemudian meninggalkan majlis mengikut jadual dan tanpa berlelah lagi terus menziarahi isterinya di Hospital Lady Templer.

Kira-kira sebulan sebelum itu, Dr Ismail menceritakan kepada sahabatnya Robert Kuok bahawa dia mengalami tiga serangan jantung "agak serius" dalam masa dua minggu. Dia juga memberitahu Kuok, isterinya Norashikin (digelar Neno) sedang mengandung anak mereka yang ketujuh, menyebabkan dia amat khuatir masa depan keluarga. Dr Ismail bersetuju dengan nasihat Kuok supaya bersara semula selepas Razak kembali dari Kanada.

Di Kanada, berita Dr Ismail meninggal dunia tiba sewaktu Pesuruhjaya Tinggi, Zakaria Ali sedang menghadiri majlis jamuan bersama Razak dan Dr McPherson. Beliau berasa cemas kerana harus menjadi utusan membawa berita duka itu. Digagahkan juga dirinya dan dia meminta doktor ikut sama sambil mencari waktu dan tempat sesuai untuk menarikh Razak ke tepi bagi menyampaikan berita.

Seperti yang Zakaria bimbangkan, Perdana Menteri terperanjat dan kebingungan mendengar khabar itu.

Dalam keadaan longlai, dia dipapah oleh McPherson ke ruang sebelah untuk dijaganya. Sedikit masa kemudian mereka muncul semula. Razak tampak sudah dapat mengawal diri sedikit, lalu mula mengaturkan pengebumian Dr Ismail dan hal lain menerusi telefon.

Razak memberi arahan supaya dilangsungkan pengebumian negara. Jenazah sahabatnya harus dikebumikan di Makam Pahlawan, Masjid Negara. Kebetulan pada masa sama, Sultan Johor juga menyatakan hasrat supaya Dr Ismail dimakamkan di negeri tumpah darahnya.

Atas ihsan kerajaan Kanada, sebuah kapal terbang khas disediakan untuk kegunaan Razak dan dia segera berangkat menaikinya ke Copenhagen kemudian pulang dengan penerbangan komersial. Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Chong Eu, yang juga bergegas pulang selepas menerima berita duka itu, menemui Razak dalam perjalanan. Razak masih dalam keadaan "terkejut" apabila tiba kembali di Kuala Lumpur pada 4 Ogos.

Anak sulung Dr Ismail, Tawfik yang menuntut di Australia turut bergegas balik ke Kuala Lumpur dan tiba malam itu, sementara Razak tiba dari Kanada keesokan harinya. Upacara pengebumian ditangguhkan untuk beliau.

Hari itu juga, jenazah Dr Ismail dimandikan dan dibawa ke Masjid Negara serta perarakan dimulakan di luar bangunan Bank Negara. Jalan raya yang dilalui penuh sesak dengan rakyat yang keluar beramai-ramai untuk upacara pengebumian negara pertama bagi Malaysia.

Begitulah akhirnya, Tun Dr Ismail Alhaj Datuk Abdul Rahman menjadi pahlawan negara Malaysia pertama dikebumikan di Makam Pahlawan.

Tidak lama sebelum kematian Dr Ismail, Puan Tang Mong Lan, ibu kepada sahabat karibnya Philip dan Robert Kuok, pernah menilik nasibnya dan meramalkan beliau bakal menaiki tangga mencapai kedudukan lebih tinggi. Ramalan itu seolah-olah menjadi kenyataan juga. Dr Ismail meninggal dunia bukan sebagai Timbalan Perdana Menteri, tetapi Pemangku Perdana Menteri.